

SYAH ALAM, 3 JULAI (BERNAMA) — PERATURAN-PERATURAN SEMACAM AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI AKAN DIKENAKAN KEPADA SEMUA INSTITUISI PELAJARAN TINGGI DI NEGARA INI SEPERTI POLITEKNIK UNGKU OMAR DAN INSTITIUT TEKNOLOGI MARA.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU HARI INI, KERAJAAN TELAH PUN SIAP MERANGKA AKTA TERSEBUT — AKTA PELAJARAN — YANG AKAN MEMBERI +KUASA YANG LEBIH TERANG KEPADA PENTADBIRAN+. AKTA ITU AKAN DIKUATKUASAKAN DALAM TAHUN INI, KATANYA KEPADA PEMBERITA DI SINI.

PADA MASA INI KATANYA, PERHUBUNGAN ANTARA PENTADBIRAN INSTITUISI INSTITUISI DI NEGARA INI, SEPERTI MAJLIS PENTADBIRAN INSTITIUT TEKNOLOGI MARA (ITM) DENGAN KEMENTERIAN PELAJARAN +TIDAK BERAPA JELAS+ SETELAH IA DIAMBILALIH OLEH KEMENTERIANNYA DARI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUARBANDAR. — BERSAMBUNG 1245/YF

524

MAHATHIR - ITM 2 SYAH ALAM

DR. MAHATHIR MENGIKATKAN 2,763 PARA PELAJAR BARU ITM KETIKA MERASMIKAN MINGGU SUAIKENAL SUPAYA MENGAWASI KEGIATAN ORANG-ORANG YANG CUBA MEMPENGARUHI MEREKA DENGAN MENGGUNAKAN NAMA ISLAM.

MEREKA SEBALIKNYA HENDAKLAH MENUMPUKAN PERHATIAN PENUH KEPADA PELAJARAN BAGI MENGIKIS ANGGAPAN KAUM LAIN KONON PARA PELAJAR MELAYU TIDAK SERIUS, LEMAH DAN TIDAK BERKEBOLEHAN.

KATANYA KERAJAAN MEMBELANJAKAN \$30 JUTA SETAHUN UNTUK ITM, DAN PELABURAN ITU TIDAK AKAN BERFAEDAH JIKA PARA PELAJARNYA TIDAK BERUSAHA MENDAPATKAN KEJAYAAN SEPENUHNYA.

PEMANGKU PENGARAH ITM, ENCIK TAHIR MAJID BERKATA ITM AKAN MENGA-DAKAN SATU LAGI KURSUS IJAZAH-IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN EKONOMI — TIDAK LAMA LAGI.

SEKARANG INI ADA DUA KURSUS IJAZAH DI ITM DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI-UNIVERSITI OHIO DAN KENTUCKY, AMERIKA SYARIKAT. KURSUS-KURSUS ITU IALAH IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN PERDAGANGAN DAN SARJANA SAINS USAHAWAN. — BERNAMA 1255/YF